

GEJALA BULI

Wujud akta khas bolehkan kes disiasat terperinci

Baru-baru ini, satu lagi rakaman video tersebar di media sosial yang memaparkan kejadian buli di sekolah. Ia memaparkan dengan jelas beberapa murid dalam lingkungan usia 12 tahun bertindak ganas membuli serta menendang muka mangsa yang dipercayai rakan sebaya.

Tidak cukup dengan itu, muka mangsa kemudian ditutup dengan bakul sampah dan diletakkan penyapu. Mangsa juga kelihatan merayu supaya tindakan ganas itu dihentikan. Rakaman berdurasi satu minit 51 saat itu dipercayai berlaku di sebuah sekolah rendah di Alor Setar, Kedah. Ia mencetuskan kegusaran dan kemarahan dalam kalangan orang ramai terutama ibu bapa.

Insiden buli ini bukanlah perkara baharu kerana sebenarnya sudah banyak kali kita didedahkan dengan permasalahan ini. Tahun lalu, kejadian sama juga banyak berlaku. Ia seakan sudah menjadi seperti satu wabak dan semakin menjadi-jadi. Jika tiada tindakan tegas diambil mana-mana pihak, nescaya kejadian buli ini akan terus meningkat sehingga ia tidak boleh dibendung lagi.

Masalah perlu dibendung

Tindakan tegas perlulah diambil bagi membendung permasalahan ini kerana sekolah adalah institusi paling penting dalam mendidik generasi muda sebelum mereka melangkah ke alam dewasa.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my.

Jika kejadian buli di sekolah tidak dibendung dari awal, sudah pasti ia akan menjejaskan kualiti pelajar yang dilahirkan kelak selain memberi reputasi buruk kepada sistem pendidikan negara. Kajian dijalankan berhubung permasalahan ini menunjukkan kejadian buli yang berlaku di sekolah akan menjurus kepada kegiatan jenayah yang lebih serius.

Sebelum perkara lebih buruk berlaku, tindakan awal perlu diambil pihak berkaitan untuk mencari jalan bagi menghentikan atau mengawal kejadian buli yang berlaku di sekolah. Mungkin sudah sampai masanya pihak berkaitan memikirkan untuk meminda Akta Pendidikan 1996 ataupun mewujudkan akta khusus untuk mengawal



Insiden buli di sekolah yang menjadi **bulan masyarakat**.

serta mengekang kejadian buli di sekolah seperti diamalkan di negara maju misalnya di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Akta khas tangani kes buli

Melalui akta berkenaan, setiap kes buli yang berlaku di sekolah disiasat dengan lebih terperinci mengikut prosedur ditetapkan. Melalui akta khas ini juga, sekolah juga diwajibkan untuk memamerkan polisi khusus mengenai buli yang akan memberi kesedaran kepada semua pihak terutama pembuli untuk menjauhkan diri dari terbahit



dengan perkara ini.

Ia juga dapat memberi maklumat kepada mangsa mengenai hak mereka serta maklumat lengkap kepada siapa mereka harus mengadu.

Akta terbabit juga boleh memperuntukkan pihak sekolah untuk mewujudkan sebuah jawatan khas setaraf dengan kaunselor untuk mengendalikan kes buli di sekolah. Jawatan terbabit perlulah diisi oleh mereka yang berkelayakan dalam bidang psikologi serta mahir mengendalikan kes buli dalam kalangan pelajar.

Sesungguhnya isu buli di sekolah

tidak boleh dipandang sebelah mata. Ia memerlukan komitmen semua pihak, baik guru, ibu bapa, masyarakat umum atau pelajar sendiri bagi memastikan institusi sekolah menjadi gedung ilmu dan bukannya tempat untuk melahirkan samseng atau penjenayah.

Perbuatan membuli, sama ada untuk berseronok atau kerana benci dan ingin membalas dendam, tidak sewajarnya menjadi budaya yang menunjangi institusi sekolah di negara ini.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)